



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884V)
(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN TENDER

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd ("MRT Corp.") adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan Malaysia yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi memudah, melaksana dan mempercepatkan projek infrastruktur pengangkutan awam yang telah diluluskan oleh kerajaan. Kerajaan telah melantik **MRT Corp.** sebagai Pemilik MRT dan MMC-Gamuda KMRT (PDP) Sdn Bhd sebagai "Project Delivery Partner" ("PDP") yang bertanggungjawab melaksana dan menyiapkan sistem MRT yang dikenali sebagai "PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2: SUNGAI BULOH – SERDANG – PUTRAJAYA (SSP)". Projek SSP merupakan jajaran kedua di dalam infrastruktur MRT, ianya akan melibatkan pembinaan rangkaian keretapi yang akan menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan awam Lembah Klang bagi memenuhi keperluan Rakyat. Sistem pengangkutan awam bersepada ini akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya bertaraf dunia di samping menjana ekonomi dan meningkatkan produktiviti Rakyat.

Pemohon yang berminat untuk membuat tawaran bagi kerja (seperti yang dinyatakan di bawah) dikehendaki mengemukakan Dokumen Tender yang lengkap bersama-sama dengan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk menyokong permohonan mereka.

TAJUK TENDER DAN NO. TENDER	SYARAT KELAYAKAN DAN PENDAFTARAN	TAKLIMAT WAJIB
<p>Pelantikan Broker Insurans bagi Program Insurans Terkawal Prinsipal (PCIP) untuk Klang Valley Mass Rapid Transit LALUAN 2 : Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya (SSP)</p> <p>TENDER NO.: SSP-MRTC-GENE-OVPR-TEN-00001</p>	<p>Mesti berdaftar dengan Bank Negara Malaysia</p>	<p>Tarikh : 21 Mei 2015 (Khamis) Masa : 10.00 pagi – 11.00 pagi Tempat : Perak Auditorium, Tingkat 7, Menara I&P1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</p> <p>Nota: Wakil dari penender yang berminat mestilah berkelayakan dan berpenggetahuan di dalam bidang kerja tender dan kontrak serta diberi kuasa oleh syarikat</p>

Dokumen Tender boleh diperolehi bermula dari 22 Mei 2015 (selepas taklimat Tender) sehingga 29 Mei 2015 daripada:

Jabatan Perolehan
Level 6, Menara I&P1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pada masa seperti berikut:

ISNIN HINGGA KHAMIS: 8:30 pagi – 12.30 tengahari dan 2.00 – 5.00 petang
JUMAAT: 8.30 pagi – 12.00 tengahari dan 3.00 – 5.00 petang

Permohonan bagi Dokumen Tender hendaklah disertakan dengan Draf Bank atau Cek Jurubank berjumlah **RM500.00** (termasuk 6% GST) di bawah nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** dan tidak akan dikembalikan.

Dokumen Tender yang telah lengkap hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan diletakkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Perolehan, seperti alamat di atas tidak lewat dari 12.00 tengahari, Isnin, 22 Jun 2015.**

Nota:

- Penender adalah dipelawa daripada Broker Insurans berlesen yang berpengalaman sesuai di bawah peruntukan Akta Insurans (Malaysia) 1996 dan berdaftar dengan Bank Negara Malaysia. Lesen dan pendaftaran mestilah sah pada tarikh penyerahan cadangan dan kesihihan mestilah dikekalkan sepanjang tempoh perkhidmatan.
- Berpengalaman dalam menguruskan PCIP terutama dalam projek yang melibatkan landasan/rel serta terowong merupakan satu kelebihan.
- Mana-mana entiti berikut yang memenuhi semua kriteria di atas akan layak untuk mengemukakan Cadangan:
 - Syarikat Broker Insurans yang Diperbadankan di Malaysia.
 - Syarikat Usahasama yang terdiri daripada tidak lebih dari 2 Syarikat Broker Insurans yang diperbadankan di Malaysia yang memenuhi kriteria dalam perkara 1, dan di mana pegangan saham Malaysia atau penyertaan ekuiti tidak kurang daripada 30% dalam Usahasama. Bukti saham atau ekuiti penyertaan setiap rakan kongsi dalam Usahasama perlu disediakan dengan penyerahan cadangan itu dan mesti dikekalkan sepanjang tempoh perkhidmatan.
 - Broker Insurans asing dengan pendaftaran pejabat tempatan dan yang memenuhi kriteria dalam perkara 1 hanya akan dianggap layak untuk mengemukakan cadangan dengan Usahasama bersama Broker Insurans Malaysia tempatan yang juga memenuhi kriteria di atas, dan di mana pegangan saham minimum atau penyertaan ekuiti rakan kongsi Malaysia tempatan dalam Usahasama tidak kurang daripada 30%. Bukti 30% pegangan saham atau ekuiti penyertaan minimum Malaysia dalam Usahasama perlu disediakan dengan penyerahan cadangan itu dan mesti dikekalkan sepanjang tempoh perkhidmatan.
- Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Broker Insurans boleh meneliti Dokumen Meja Tender sebelum membuat pembelian.
- Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada wakil Broker Insurans yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil Broker Insurans **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan dan SALINAN YANG DISAHKAN** (disahkan oleh Setiausaha Syarikat/Pegawai Kerajaan Kumpulan A) sijil pendaftaran BNM untuk mengesahkan kelayakan Broker Insurans.
- Kesemua Broker Insurans mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Kesemua Broker Insurans adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dim JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
- MRT Corp.** adalah tidak terikat untuk menerima harga tender terendah atau sebarang tawaran berhubung dengan Tender ini dan tidak dalam apa cara bertanggungjawab bagi apa-apa kos atau ganti rugi yang ditanggung oleh Broker Insurans atas apa jua sebab, tidak kira dengan penjalanan atau hasil bidaan. Semua urusan berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan Tender hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan di atas.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan difaksikan ke talian **03-2095 2121** atau e-mel kepada **procurement@mymrt.com.my**